



KENYATAAN MEDIA

MENTERI KESIHATAN

SEMPENA MAJLIS TILAWAH AL-QURAN KKM PERINGKAT KEBANGSAAN KE-29

14 OKTOBER 2018

PULAI, Johor, 14 Okt - Alhamdulillah, hari ini saya berkesempatan ke Negeri Johor bagi merasmikan penutup Majlis Tilawah Al-Quran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Peringkat Kebangsaan ke-29 di Pulai Spring Resorts.

Sungguh, saya amat kagum dan berbangga dengan semangat serta komitmen warga kerja KKM di dalam majlis tilawah ini, di mana saya difahamkan bahawa 30 peserta yang mengambil bahagian (15 qari dan 15 qariah) adalah dari pelbagai skim perkhidmatan.

Tema yang ditetapkan pada tahun ini, ‘Menyantuni Ummat, Membawa Rahmat’, saya rasakan sangat bertepatan dengan profesi seluruh warga kerja Kementerian Kesihatan Malaysia kerana seluruh bidang kerja kita ini memerlukan kita untuk menyantuni rakyat, memberikan khidmat kepada mereka.

Oleh itu, sangat penting untuk kita sama-sama menghayati bidang tugas kita di dalam kementerian kerana setiap seorang daripada

kita; baik anggota paramedik, jururawat, pembantu pegawai perubatan, pegawai farmasi, pegawai perubatan mahupun pegawai perubatan pakar; mempunyai peranan yang sangat penting dalam usaha untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkesan dan efektif.

Sekali lagi, syabas dan tahniah kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan pengarahnya Dr Selahuddeen Abd Aziz serta Timbalan Ketua Setiausaha Khidmat dan Pengurusan, Dato' Hj Hasnol Zam Zam Hj Ahmad, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk, atas kejayaan penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran Kementerian Kesihatan Malaysia Peringkat Kebangsaan yang ke-29.

Tahniah juga kepada para pemenang dan kepada semua qari dan qariah yang mengambil bahagian. Semoga penghayatan terhadap ayat-ayat suci Al-Quran diteruskan dalam kehidupan seharian kita dan tidak terhenti di pertandingan-pertandingan seumpama ini.

**YB DATUK SERI DR DZULKEFLY AHMAD
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
14 OKTOBER 2018**